



MAJLIS DAERAH LENGGONG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada WARGANEGARA MALAYSIA dan keutamaan diberi kepada RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN yang berkelayakan dan BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN dan TIDAK LEBIH DARI 30 TAHUN pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :

Nama Jawatan	: Pembantu Awam
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Gred	: H11
Taraf Jawatan	: Kontrak/Tetap
Kementerian Jabatan	: Majlis Daerah Lenggong
Kekosongan	: SATU (1) kekosongan

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred H11 : RM1,218.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja serta tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai 19 September 2024 hingga 06 Oktober 2024.
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-sijil Persekolahan/Akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LENGGONG**